

TINGKAH LAKU PENGURUSAN KEWANGAN, MASALAH KEWANGAN, KESEJAHTERAAN HIDUP DAN PROGRAM SOKONGAN PENGGUNA DI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Mohamad Fazli Sabri¹

Nuraini Abdullah²

Thinagaran Moga Dass³

Othman Che Jusoh⁴

^{1,2,3}Jabatan Pengurusan Sumber & Pengajian Pengguna,
Fakulti Ekologi Manusia

⁴Perbadanan Labuan, Wilayah Persekutuan Labuan

Pengenalan

Perubahan pendapatan yang tidak selari dengan kenaikan harga barang menyebabkan masyarakat perlu berhati-hati dalam perbelanjaan. Perbelanjaan di luar kawalan sering kali menyebabkan keadaan keberhutangan yang tinggi, terutamanya bagi golongan yang baru memasuki alam pekerjaan. Kajian Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC) (2012), mendapati bahawa sebanyak 37 peratus golongan muda berbelanja di luar kemampuan dan selebihnya langsung tidak mempunyai tabungan. Manakala, berdasarkan kajian *Nielsen Global Survey of Consumer Confidence and Spending Intentions* (2016), didapati bahawa 88 peratus penduduk Malaysia mengakui perlu mengikut bajet perbelanjaan yang ditetapkan agar perbelanjaan yang tidak diperlukan dapat dikurangkan. Perubahan-perubahan dalam perbelanjaan isi rumah ini mungkin disebabkan beberapa faktor seperti pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST), peningkatan harga barang dan kelembapan ekonomi semasa (*Nielsen Global Survey of Consumer Confidence & Spending Intentions*, 2016), dan perubahan dalam harga barang dan kelembapan ekonomi negara (Thaiyoong, Gills & Paul, 2011). Kesemua ini mendorong kepada kos sara hidup yang semakin meningkat saban hari.

Menurut Bank Negara Malaysia (BNM, 2015), kos sara hidup merujuk kepada jumlah perbelanjaan untuk barangan dan perkhidmatan yang ditanggung oleh isi rumah untuk mengekalkan taraf hidup pada tahap tertentu. Kos sara hidup yang meningkat mempengaruhi corak perbelanjaan isi rumah berdasarkan pendapatan isi rumah, demografi, struktur keluarga

dan kawasan kediaman dan perubahan harga yang dihadapi adalah berbeza, terutamanya mengikut faktor geografi. Sesebuah keluarga dikatakan memiliki taraf hidup yang merosot sekiranya pendapatan yang diterima berada pada kadar yang lebih rendah berbanding dengan kos sara hidup pada masa sekarang. Solomon, Victor and Felicia (2014) menyatakan bahawa kos sara hidup bukan sahaja menjadikan rakyat terpaksa berhadapan dengan pendapatan yang tidak mencukupi, malah simpanan dan pelaburan juga tidak mampu dilakukan kerana pendapatan hanya cukup untuk keperluan semasa sahaja. Didapati bahawa pendapatan bulanan isi rumah Malaysia berdasarkan Penyiataan pendapatan isi rumah dan kemudahan asas (2014), adalah sebanyak RM6,141 dan perbelanjaan isi rumah Malaysia adalah sebanyak RM3,578 sebulan tidak termasuk dengan tolakan cukai.

Oleh yang demikian, segelintir golongan yang berasa terbeban ini mengambil langkah mudah dengan melakukan pinjaman bukan hanya daripada institusi kewangan yang berlesen, malah daripada sumber kewangan yang tidak diiktiraf di Malaysia. Justeru, tidak menghairankan apabila statistik daripada Bank Negara Malaysia (2016), hutang isi rumah di Malaysia adalah sebanyak RM1.086 trilion. Bagi mengekalkan keseimbangan sosioekonomi rakyat, kerajaan telah memperkenalkan Modal Ekonomi Baru (2011-2020), untuk menjadikan Malaysia sebagai negara yang mempunyai penduduk berpendapatan tinggi dan dasar gaji minimum telah dilaksanakan agar penduduk yang tergolong dalam golongan berpendapatan rendah tidak berasa bebanan.

Wilayah Persekutuan Labuan merupakan sebuah pulau yang bebas cukai namun, dengan status pemandaran yang tinggi (BNM, 2015), penduduk berhadapan dengan beberapa masalah akibat daripada kenaikan harga barang. Hal ini disokong dengan laporan daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (2015) yang mendapati bahawa Wilayah Persekutuan Labuan merupakan bandar yang tersenarai antara 10 bandar paling mahal kos sara hidup di Malaysia dan hampir 3,300 orang penduduk Labuan berada dalam kelompok miskin.

Berdasarkan statistik penduduk daripada Perbadanan Labuan, jumlah bilangan penduduk di Labuan adalah seramai 83,500 orang pada tahun 2014 dengan pendapatan purata bulanan penduduk Labuan adalah sebanyak RM6,317 (2012) kepada RM7,591 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2014) manakala gaji minimum adalah bermula dari RM800 kepada RM920 sebulan. Namun begitu, impak kenaikan harga barang dan kos hidup yang semakin meningkat menyebabkan corak perbelanjaan turut berubah dan berlakunya peningkatan bagi memenuhi keperluan dan kehendak isi rumah. Berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia (2014), corak perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata meningkat daripada RM2,143 pada tahun 2009 kepada

RM3,497 pada 2014. Oleh yang demikian, adalah perlu bagi isi rumah untuk menguruskan kewangan mereka dengan cekap. Menurut Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (2014), kemahiran pengurusan kewangan yang lemah menyebabkan seseorang individu mudah terjebak dengan masalah hutang.

Kurangnya pengetahuan mengenai aspek kewangan menyebabkan segelintir masyarakat berhadapan dengan masalah. Pelbagai produk dan perkhidmatan kewangan yang memerlukan kefahaman dan pandangan pihak professional diperlukan sebelum sesuatu keputusan kewangan dapat dilakukan bagi mengelakkan sebelum penipuan atau tersalah pembelian akibat kurang faham produk atau perkhidmatan itu sendiri. Selain itu, perniagaan yang sering kali menawarkan pembelian berunsurkan kaedah ‘mampu milik’ semakin menggalakkan akibat kurang pemantauan daripada pihak berwajib. Barangan keperluan perumahan ditawarkan dengan hanya deposit dan pembayaran ansuran bulanan yang rendah menarik minat pembeli. Kebanyakan pengguna yang terjebak dengan ansuran mudah alih ini ialah mereka yang tergolong dalam golongan sosioekonomi yang berpendapatan sederhana dan rendah (Khalid, 2016).

Kurangnya kecekapan dalam pengurusan kewangan turut menjejaskan simpanan persaraan seseorang. Pendapatan yang hanya cukup untuk keperluan asas keluarga menyukarkan penyimpanan atau pelaburan untuk masa hadapan atau masa kecemasan. Kebanyakan penduduk lebih mengharapkan wang pencen dan wang caruman kerana mereka merasakan jumlah simpanan mencukupi setelah mencarum selama bekerja. Namun, walaupun caruman yang dilakukan dalam Kumpulan Wang Simpanan dan Persaraan (KWSP) telah dibuat tetapi menurut *Ringgit* (Feb 2016), caruman itu tidak mampu untuk menampung sepenuhnya kewangan pada masa tua ditambah pula dengan keadaan kesihatan yang semakin merosot. Berdasarkan kajian daripada KWSP sendiri, hanya 22 peratus daripada 6.7 juta pencarum aktif daripada 14.5 juta keseluruhan pencarum yang berumur 50 tahun ke atas tidak mempunyai simpanan yang cukup untuk hari tua.

Selain itu, program atau kursus sokongan perlu dikenal pasti agar masyarakat Labuan dapat menggunakan kemahiran dan pengetahuan yang dipelajari untuk memperbaiki kesejahteraan kehidupan. Dalam pada itu, kerajaan sendiri telah melancarkan beberapa strategi baharu bagi mendekati penduduk, terutamanya penduduk luar bandar yang kurang berpengetahuan mengenai aspek kewangan seperti pengenalan kepada ‘MobileLINK’ (*Ringgit*, 2016).

Oleh yang demikian, objektif kajian adalah untuk mengenal pasti tingkah laku pengurusan kewangan, masalah kewangan, kesejahteraan hidup dan program sokongan dalam kalangan pengguna di Wilayah Persekutuan Labuan.

Kajian Lepas

Tingkah laku kewangan

Tingkah laku kewangan didapati mempunyai hubungan dengan tahap pengetahuan (Hilgerth & Hogarth, 2003). Indeks amalan kewangan yang mengandungi empat pemboleh ubah, iaitu pengurusan aliran tunai, pengurusan kredit, simpanan dan amalan pelaburan. Didapati mereka yang mempunyai skor pengetahuan kewangan yang tinggi juga mempunyai amalan kewangan yang baik (Hilgerth & Hogarth, 2003). Hal ini memberi signifikansi, pendidikan kewangan mampu meningkatkan pengetahuan kewangan dan memberi kesan positif terhadap tingkah laku kewangan.

Di samping itu, Joo dan Grable, (2004) dan Kim, (2004) juga mendapati bahawa tingkah laku kewangan juga ada hubungan positif terhadap kesejahteraan kewangan dan kepuasan hidup. Manakala, Joo dan Grable (2004) pula mendapati kesejahteraan kewangan mempunyai perkaitan dengan tingkah laku kewangan, tahap tekanan kewangan, pendapatan, pengetahuan kewangan, kecairan kewangan, toleransi kewangan dan pendidikan. Tingkah laku kewangan yang baik boleh mengurangkan tekanan kewangan (Husniyah & Fazilah, 2009). Hal ni dapat membentuk tingkah laku kewangan yang positif seperti berusaha mengurangkan pinjaman peribadi, mematuhi belanjawan, mengurangkan perbelanjaan, perancangan kewangan yang baik, simpanan untuk persaraan, membuat dan meningkatkan simpanan, mampu mengurangkan tekanan kewangan dan memberi kesan langsung kepada kesejahteraan kewangan (Sorhaindo & Garman, 2002). Selain itu, perkara ini dapat membantu individu untuk mengamalkan bayaran utiliti tepat pada masa (Baek & DeVaney, 2004) dan individu yang berbelanja kurang daripada yang diperoleh adalah lebih sejahtera kewangannya (Baek & DeVaney, 2004).

Masalah kewangan

Masalah kewangan adalah satu keadaan apabila individu tidak dapat memenuhi keperluan kewangan, tidak dapat membeli barangan keperluan, dan kekurangan dana untuk memenuhi keperluannya yang mengakibatkan mereka untuk mengurangkan taraf hidup, meminjam untuk membayar bulanan atau tidak dapat untuk membayarnya (Davis & Mantler, 2004). Selain itu, istilah lain seperti tekanan kewangan dan ketegangan kewangan digunakan dalam bidang kewangan sebagai terma alternatif masalah kewangan (Davis & Mantler, 2004). Sejumlah penyelidik telah mengkaji faktor-faktor yang menyumbang kepada kesejahteraan kewangan mendapati bahawa masalah kewangan menjadi peramal kewangan yang baik (Taylor, 2009). Kajian Taylor mendedahkan bahawa individu tidak dapat membayar

bil-bil perubatan dan sentiasa tertekan kerana tiada penjimatan. Ketegangan kewangan bukan sahaja dikaitkan dengan kesejahteraan kewangan individu tetapi juga mempengaruhi produktiviti individu itu sendiri. Selain itu, penyelidikan tekanan kewangan menunjukkan bahawa tingkah laku pengurusan kewangan mempunyai korelasi dengan kesejahteraan kewangan (Xiao, Sorhaindo & Garman, 2006; Garman & Sorhaindo, 2005; Kim, Garman & Sorhaindo, 2003). Secara rumusan, ketegangan kewangan yang dihadapi oleh individu akan menyumbang kepada kesejahteraan kewangan yang rendah.

Kesejahteraan hidup

Kesejahteraan hidup ialah perasaan bebas daripada tekanan, rasa gembira mengatasi rasa sedih dalam jangka masa panjang, perasaan positif dengan kehidupan dan memperoleh apa-apa yang diinginkan seiring dengan matlamat (Atchley, 2004). Disamping itu, Billson dan Fluehr-Lobban (2005) pula merujuk kesejahteraan sebagai suatu keadaan optimum yang diukur berdasarkan aspek kepuasan, keyakinan, ketahanan dan kesihatan fizikal. Asmawati, Asmah, dan Zaini, (2009) mendefinisikan kesejahteraan hidup diperoleh daripada pelbagai aspek yang lain seperti sokongan sosial, hubungan kekeluargaan dan psikologi.

Kesejahteraan hidup boleh dibahagikan kepada dua kategori, iaitu kualiti hidup objektif dan kualiti hidup subjektif (Norizan, 2003). Beliau juga menjelaskan bahawa kualiti hidup objektif ialah keperluan hidup yang dapat dicapai oleh individu dan dapat dilihat secara luaran seperti pendapatan, perumahan, kesihatan dan pendidikan. Manakala, kualiti hidup subjektif pula ialah kepuasan dan nikmat hidup yang dirasakan oleh individu, seperti berasa seronok dan bersyukur kerana mempunyai pekerjaan yang baik, anak-anak yang berjaya dan mempunyai keluarga yang bahagia. Hal ini mempunyai persamaan dengan Siti (2005) yang mendefinisikan konsep kesejahteraan hidup bukan boleh diukur dengan nilai kebendaan sahaja, malah ia juga merangkumi aspek-aspek yang tidak berbentuk fizikal seperti perasaan kasih sayang, kemesraan, dan rasa belas kasihan antara individu.

Program sokongan kemahiran

Dalam organisasi yang berjaya, program sokongan dilaksanakan sebagai satu latihan dan pendidikan yang terancang untuk membangunkan potensi seorang atau sekumpulan orang yang kurang pengetahuan dan pengalaman (McGee Wanguri, 1996). Menurut Armstrong (2001), latihan kemahiran atau program sokongan merupakan pembangunan sistematik pengetahuan, kemahiran dan sikap. Flippo dan Foster (1984) pula mendefinisikannya sebagai suatu

tindakan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam satu kerja atau bidang. Sokongan kemahiran atau latihan kemahiran ialah satu alat untuk membantu menjadikan pengguna lebih berdaya saing dan merupakan satu parameter untuk meningkatkan keupayaan tenaga kerja dalam mencapai objektif (Kulkarni, 2013). Di samping itu, program sokongan juga berpotensi dalam meningkatkan produktiviti dan komitmen terhadap kerja dan memberikan kemajuan dalam keperibadian dan profesional individu (Kulkarni, 2013).

Kajian oleh Singh dan Sanjeev (2016) mendapati terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi sikap pekerja terhadap program sokongan. Antaranya ialah keperluan kemahiran, latihan kemahiran yang berkesan, kemahiran insaniah, pengetahuan terkini dan perkembangan yang pesat. Manakala, Gupta dan Agarwal (2008) mendapati bahawa faktor umur juga memainkan peranan dalam pemerolehan kemahiran dan ianya berbeza mengikut umur dan kematangan. Selain itu, program kemahiran yang berkesan dan efisien juga bergantung pada penilaian latihan yang sesuai untuk orang dan keadaan (Iftikhar & Siraj, 2009). Latihan juga perlu mengamalkan aspek teori yang dipelajari dalam persekitaran yang sebenar dengan pengaplikasian simulasi situasi, kajian kes dan latihan pengantara (Bates & Davis, 2010). Secara keseluruhannya, latihan kemahiran mampu membangunkan individu, dan meningkatkan motivasi peribadi.

Metodologi

Populasi dan persampelan

Populasi bagi kajian ini adalah terdiri daripada isi rumah di Wilayah Persekutuan Labuan. Bagi mendapatkan sampel kajian, persampelan rawak sistematik digunakan dan isi rumah Labuan diperolehi daripada pekerja daripada agensi kerajaan dan swasta di Labuan. Kajian menyasarkan 450 orang responden bagi keseluruhan isi rumah Labuan, namun hanya 348 orang responden yang mengambil bahagian menjawab soal selidik yang disediakan. Selain data kajian dikumpul menggunakan borang soal selidik, kajian juga menggunakan kaedah pengumpulan data secara temu bual bersemuka supaya pemahaman mengenai objektif kajian dapat ditingkatkan.

Instrumen

Data kajian dikumpul menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian bagi mencapai objektif kajian yang dikehendaki. Soal selidik yang ditadbir sendiri oleh responden terdiri daripada sepuluh bahagian yang telah

dikenal pasti daripada pengkaji lepas agar bertepatan dengan kehendak kajian. Pengukuran instrumen kajian adalah seperti berikut:

Profil responden

Profil responden merangkumi maklumat latar belakang ketua isi rumah. Hal ini termasuklah maklumat berkaitan etnik, jantina, status perkahwinan, tahap pendidikan tertinggi, kategori pekerjaan utama, bilangan anak serta isi rumah (termasuk responden).

Pengurusan kewangan

Bahagian ini adalah mengenai aktiviti pengurusan kewangan responden berdasarkan tiga skala kekerapan iaitu tidak pernah, kadang-kadang dan selalu. Terdapat 15 pernyataan yang menggambarkan aktiviti kewangan dalam tempoh 12 bulan yang lalu.

Masalah kewangan

Masalah kewangan dinilai berdasarkan 26 soalan yang menggambarkan pengalaman kewangan dalam tempoh 12 bulan yang lalu. Tiga skala kekerapan yang dapat menerangkan keadaan kekerapan iaitu tidak pernah, kadang-kadang dan selalu.

Kesejahteraan hidup

Bahagian kesejahteraan hidup adalah yang berkaitan dengan tahap kepuasan responden berdasarkan beberapa aspek kehidupan. Skala kesejahteraan hidup mempunyai 10 tahap kepuasan yang bermula daripada tidak berpuas hati dengan sepenuhnya (1) sehingga berpuas hati dengan sepenuhnya (10).


Program/Kursus sokongan

Responden dikehendaki memilih beberapa program atau kursus kemahiran yang diperlukan untuk meningkatkan kesejahteraan hidup responden dan keluarga berdasarkan 11 senarai yang telah dikenal pasti.

Analisis Data

Profil responden dan isi rumah

Berdasarkan Rajah 1, didapati bahawa peratus tertinggi responden adalah lelaki (57.2%) dengan julat umur di antara 31-40 tahun (45.1%). Majoriti responden telah berkahwin iaitu 73.3 peratus dan hampir 24.0 peratus responden masih bujang. Responden kebanyakannya berpendidikan sehingga sekolah menengah dengan peratusan sebanyak 43.1 peratus manakala diploma atau sijil sebanyak 36.8 peratus. Bilangan anak yang dimiliki oleh responden adalah kurang daripada tiga orang (81.4%) dan selebihnya 18.3 peratus memiliki lebih daripada empat orang anak. Manakala, bilangan keseluruhan isi rumah adalah sebanyak 4-6 orang (52.3%).




Rajah 1: Profil Responden dan Isi Rumah

Tingkah laku pengurusan kewangan

Responden diminta menilai aktiviti pengurusan kewangan dalam tempoh 12 bulan yang lepas berdasarkan tiga skala kekerapan iaitu tidak pernah (1), kadang-kadang (2) dan selalu (3). Dapatan kajian menunjukkan bahawa lebih


daripada satu perdua responden membuat pembayaran hutang melalui kaedah potongan gaji dan 67.6 peratus membayar pinjaman atau hutang mengikut jadual yang ditetapkan. Terdapat sekurang-kurangnya 50.7 peratus responden dapat melangsaikan hutang atau pinjaman dengan lebih awal. Responden tidak menghadapi masalah dalam pembayaran bil utiliti kerana majoriti (85.0%) mampu membayar bil pada dalam tempoh yang ditetapkan (Rajah 2(a)). Kesedaran mengenai pelaburan saham amanah terutamanya masih kurang dalam kalangan isi rumah Labuan. Dapatan menunjukkan sebanyak 49.1 peratus responden tidak melakukan simpanan dalam amanah saham. Didapati bahawa responden mengambil langkah berjaga-jaga sebelum melakukan sesuatu pinjaman. Hal ini bertepatan dengan langkah daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) untuk membantu golongan yang terbeban dengan masalah hutang ini dengan menerbitkan Panduan Urus Sendiri Pelan Pemulihan Hutang bagi menggalakan peminjam mengawal sepenuhnya kewangan masing-masing mengikut panduan yang telah dikemukakan.



Rajah 2(a): Aktiviti Pengurusan Kewangan


Selain itu, berdasarkan Rajah 2(b), hanya 48.0 peratus responden sentiasa menyimpan rekod pembayaran hutang dan selebihnya masih tidak mempunyai kesedaran mengenai pengurusan hutang dengan bijak dan sebanyak 77.2 peratus responden selalu merancang sebelum mengambil apa-apa jenis kredit/pinjaman. Namun, kesedaran responden mengenai insurans berada pada tahap yang tidak memuaskan apabila hampir 60.0 peratus responden tidak memiliki insurans/takaful kesihatan dan insurans/takaful hayat. Hal ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Takaful Malaysia

yang mendapati bahawa hanya lebih kurang 45.0 peratus rakyat Malaysia mempunyai sekurang-kurangnya satu produk insurans dan kurang 15.0 peratus memiliki produk takaful.




Rajah 2(b): Aktiviti Pengurusan Kewangan Pengalaman Kewangan

Didapati bahawa hampir kesemua responden pernah berhadapan dengan masalah kewangan, seperti tidak mampu membayar sewa/ansurans rumah, tidak mampu membayar bil utiliti, kehabisan makanan sebelum mendapat wang untuk membeli makanan, mengalami kemurungan akibat kekurangan wang, sakit apabila risau perbelanjaan diri/keluarga dan tidak mampu membeli insurans (Rajah 3(a)). Sebanyak 51.3 peratus responden risau mengenai keadaan kewangan semasa. Hal ini dapat dipastikan apabila salah satu punca kemurungan masyarakat Malaysia adalah kerisauan mengenai simpanan wang, terutamanya untuk kegunaan persaraan kelak (*Ringgit*, Feb. 2016).




Rajah 3(a): Pengalaman Kewangan

Berdasarkan Rajah 3(b) didapati bahawa terdapat 45.3 peratus responden yang berbelanja melebihi pendapatan. Hal ini menunjukkan keadaan kewangan yang tidak memuaskan apabila terpaksa berbelanja melebihi pendapatan dan kemungkinan responden memiliki tabungan adalah rendah. Hal ini disahkan dengan pernyataan tidak memiliki wang tunai untuk kecemasan apabila 28.9 peratus responden menyatakan pernah tidak memiliki wang untuk kecemasan. Responden turut didapati tidak memiliki perancangan dalam perbelanjaan apabila 30.0 peratus daripada responden tidak tahu bagaimana wang yang dimiliki dibelanjakan. Senario seperti tidak mengetahui kajian daripada *Ringgit* (2016) mendedahkan bahawa trend keberhutangan masyarakat pada masa sekarang adalah berkaitan dengan perbelanjaan seharian sehinggakan mencadangkan penilaian semula terhadap promosi barangan kelengkapan rumah yang menawarkan pembayaran balik pinjaman serendah setiap minggu. Maka tidak hairanlah apabila terdapat 15.8 peratus responden berhutang untuk membeli barang keperluan harian.



Rajah 3(b): Pengalaman Kewangan

Didapati bahawa lebih daripada 19.0 peratus responden pernah berhutang sebelum mendapat gaji, berselisih faham dengan pasangan berkaitan hal kewangan, tidak mampu menumpukan perhatian kepada pekerjaan kerana masalah kewangan, bergantung pada pekerjaan sampingan, kerja lebih masa, komisen untuk membiayai kosa sara hidup (Rajah 3(c)). Penyataan seperti ini menggambarkan keadaan kewangan yang tidak memberangsangkan oleh responden, tambahan dengan keadaan kos sara hidup yang semakin meningkat saban hari. Manakala, sebanyak 23.0 peratus responden terpaksa melakukan kerja sampingan bagi menampung kehidupan seharian yang semakin meningkat kos. Walaupun peratusan yang bekerja sampingan hanya segelintir kecil, berkemungkinan Labuan mempunyai penduduk yang sedikit, namun jika dilihat di bandar-bandar utama, mempunyai kerja sampingan selain pekerjaan hakiki adalah senario yang biasa dilihat. Hal ini kerana ketidakstabilan ekonomi dan peningkatan harga barangan dan perkhidmatan secara tak langsung menuntut golongan ini untuk bekerja lebih agar keperluan semasa dapat dipenuhi.




Rajah 3(c): Pengalaman Kewangan

Kesejahteraan hidup

Bahagian ini berkaitan dengan skala penilaian tahap kehidupan yang menggambarkan kesejahteraan kehidupan responden berdasarkan sembilan pernyataan dengan 10 skala bermula daripada tidak berpuas hati dengan sepenuhnya (1) sehingga berpuas hati dengan sepenuhnya (10) seperti dalam Rajah 4. Kesejahteraan hidup merupakan salah satu elemen yang penting dalam kehidupan seseorang yang merangkumi aspek kerjaya, sosial, fizikal dan komuniti persekitaraan (Rath & Harter, 2010). Kesejahteraan hidup berdasarkan pernyataan di atas dinilai berdasarkan nilai purata yang diperoleh bagi setiap pernyataan. Didapati bahawa berdasarkan pernyataan di atas, nilai purata yang tertinggi yang menunjukkan tahap hidup yang lebih berpuas hati adalah daripada pernyataan kerohanian/agama dengan nilai sebanyak 8.41 diikuti dengan hubungan peribadi dengan nilai 8.29. Walau bagaimanapun, responden didapati tidak berpuas hati dengan aspek kewangan apabila nilai purata pernyataan adalah yang terendah dengan nilai sebanyak 6.69. Hal ini jelas menunjukkan bahawa responden merasakan keadaan kewangan yang tidak memuaskan dan menganggap ia sebagai salah satu masalah yang mengganggu kesejahteraan hidup mereka. Masalah ketidakpuasan dalam aspek kewangan sering melanda setiap genap masyarakat. Pelbagai produk dan

perkhidmatan yang disediakan dalam pasaran yang menarik minat pembeli untuk membeli dan yang membezakan pembelian yang bijak atau tidak adalah berdasarkan pengetahuan mengenai kewangan seseorang itu (*Ringgit*, 2011).

Selain itu, responden menunjukkan tahap kesejahteraan yang memuaskan bagi aspek jaminan masa hadapan dengan purata sebanyak 7.88. Jaminan masa hadapan merangkumi aspek kecukupan kewangan untuk masa hadapan, terutamanya untuk berhadapan dengan tempoh persaraan. Disebabkan itu, pelaburan dan simpanan penting bagi mencapai tingkat kesejahteraan pada masa akan datang (MoneySENSE, n.d). Namun, jika pendapatan yang diperoleh tidak dibelanjakan dengan cekap maka golongan ini bukan sahaja mudah terjebak dengan bebanan hutang yang tinggi malah ketiadaan jaminan pendapatan pada masa hadapan mungkin akan berlaku (Basu, 2005).




Rajah 4: Kesejahteraan Hidup

Program dan kursus sokongan

Beberapa senarai program atau kursus kemahiran telah disenaraikan dan responden diminta memilih beberapa program atau kursus kemahiran yang dianggap menepati keperluan dan mampu meningkatkan kesejahteraan hidup dan keluarga mereka. Hampir satu perdua daripada responden memilih program atau kursus kemahiran daripada pengurusan kewangan (65.8%) dan

keusahawanan (78.3%) memandangkan kedua-dua program ini dapat membantu responden menguruskan kewangan keluarga dengan lebih baik. Namun begitu, hanya 39.0 peratus responden memilih program kepenggunaan yang dirasakan responden kurang dapat membantu meningkatkan kesejahteraan hidup mereka dan keluarga.



Rajah 3.15: Program dan Kursus Sokongan

Kesimpulan

Secara umumnya, tingkah laku pengurusan kewangan responden dalam beberapa aspek terutama berkaitan dengan menyimpan rekod kewangan, pelaburan dan perlindungan risiko perlu dipertingkatkan. Responden juga terdedah dengan masalah kewangan seperti berbelanja melebihi pendapatan, tidak tahu ke mana wang dibelanjakan, tiada tunai untuk kecemasan, risau dengan keadaan kewangan dan kelewatan membayar bil. Tingkah laku pengurusan kewangan yang positif dapat membantu responden untuk mengurangkan masalah kewangan diri dan keluarga.

Tahap kesejahteraan responden dilihat berdasarkan nilai purata bagi setiap pernyataan. Didapati bahawa nilai purata yang tinggi adalah daripada pernyataan kerohanian (agama) dan diikuti dengan aspek hubungan peribadi.

Aspek kewangan pula menunjukkan nilai purata yang rendah menggambarkan kebanyakan responden tidak berpuas hati dengan status kewangan mereka.

Responden turut disoal mengenai keinginan mengikuti kursus atau program untuk meningkatkan taraf kehidupan ekonomi keluarga dan analisis mendapati bahawa program dan kursus keusahawanan serta pengurusan kewangan merupakan program yang mendapat permintaan paling banyak.

Bedasarkan dapatan kajian ini, pihak Perbadanan Labuan misalnya perlu merangka pelbagai program yang dapat membantu meningkatkan tahap kesejahteraan hidup pengguna. Kerjasama strategik dengan pelbagai agensi yang terdapat di Wilayah Persekutuan Labuan yang memberi tumpuan pada program-program keusahawanan wajar dipergiatkan kerana ia mampu meningkatkan penjana pendapatan kepada responden dan keluarga. Selain itu, program pendidikan kewangan secara berkala perlu dilaksanakan untuk membantu responden meningkatkan amalan pengurusan kewangan yang positif dan secara tidak langsung dapat membantu mereka daripada berhadapan dengan masalah kewangan. Namun begitu, program atau kursus sokongan lain seperti program keagamaan, keibubapaan, pemakanan dan kepenggunaan juga menjadi pilihan responden.

Rujukan

Armstrong, M (2001). *A Handbook of Human Resource Management Practice*, Kogan Page, 8th Edition.

Asmawati, D., Asmah, A., & Zaini, S. (2009). Kesejahteraan psikologikal orang asli. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 23.

Baek, E. & DeVaney, S.A. (2004) Assessing the baby boomers' financial wellness using financial ratios and a subjective measure. *Family and Consumer Sciences Research Journal* 32, 421-348.

Bank Negara Malaysia. (2015). *Laporan Tahunan 2015: Inflation and the cost of living*. Dimuat turun dari http://www.bnm.gov.my/files/publication/ar/en/2015/cp01_003_box.pdf

Basu, S. (2005). *Financial Literacy and the Life Cycle*. Washington, DC: Financial Planning Association.

Billson, J.M. & Fluehr-Lobban, C. (2005). *Female Well-Being: Towards a Global Theory of Social Change*. Zed Books.

Davis, C.G. & Mantler, J. (2004). *The Consequences of Financial Stress for Individuals, Families and Society*. Centre for Research on Stress, Coping and Well-being. Carleton University, Ottawa.

Flippo, R.F. & Foster, C.R. (1984). Teacher competency testing and its impact on educators. *Journal of Teacher Education*, 35(2), 10-13.

Garman, E.T. & Sorhaindo, B. (2005). Delphi study of experts' rankings of personal finance concepts important in the development of the InCharge financial distress/financial well-being scale. *Consumer Interests Annual*, 51, 184-194.

Hilgert, M.A. & Hogarth, J.M. (2003). Household financial management: The connection between knowledge and behavior. *Federal Reserve Bulletin*, 89(7), 309-322.

Husniyah A.R. & Fazilah, M.A.S. (2009) The impact of financial management practices on financial well-being of families in Malaysia. *Jurnal Pengguna Malaysia*, 12, 27-41.

Iftikhar, A. & Siraj, U.D. (2009). Evaluating training and development. *Gomal Journal of Medical Sciences*, 7(2).

Jabatan Perangkaan Malaysia (2014). Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2014. Dimuat turun dari <http://www.statistics.gov.my>

Joo, S. & Grable, J.E. (2004) An exploratory framework of the determinants of financial satisfaction. *Journal of Family and Issues*, 25(1), 25-50.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. (2015). Perangkaan terpilih KPKT sehingga 31 Mac 2015. Dimuat turun dari <http://www.kpkt.gov.my/>

Khalid, M.A. (2016). Menangani bebanan hutang golongan berpendapatan rendah. *Ringgit*, 2-3.

Kim, J. & Garman, E.T. (2004) Financial stress, pay satisfaction and workplace performance. *Financial Education*, 69-76.

Kim, J., Garman, E.T., & Sorhaindo, B. (2003). Relationships among credit counseling clients' financial wellbeing, financial behaviors, financial stressor events, and health.

McGee Wanguri, D. (1996). Diversity, perceptions of equity, and communicative openness in the workplace. *The Journal of Business Communication*, 33(4), 443-457.

Money SENSE. (n.d). Program pendidikan kewangan kebangsaan: Buku wang kita. Dimuat turun dari http://www.moneysense.gov.sg/~media/Moneysense/Guides%20and%20Articles/Guides/My%20Money_MALAY.pdf

Nielsen Global Survey of Consumer Confidence & Spending Intentions. (2016). How Malaysians spend their spare cash in Q1 2016. *The Nielsen Company*. Dimuat turun dari <http://www.nielsen.com/my/en/insights/news/2016/stable-q1-2016-malaysia-consumer-confidence.html>

Norizan, A.R. (2003). Computer competency of in-service ESL teachers in Malaysia secondary schools. Unpublished PhD Thesis, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC). (2012). Dimuat turun dari https://www.insuranceinfo.com.my/help_and_advice/announcement_article.php?intPrefLangID=2&intArticleID=88 pada 30 Jun 2014

Rath, T., Harter, J.K., & Harter, J. (2010). Wellbeing: The five essential elements.

Ringgit. (2011). Waspadakan dengan pelaburan skim cepat kaya: Menghadapi halangan kehidupan berkaitan kewangan. Dimuat turun dari http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=en_publication&pub=ringgitarc

Ringgit. (2016). Jangan jadi mangsa penipuan skim pelaburan: 4 halangan terbesar simpanan persaraan anda. Dimuat turun dari http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=en_publication&pub=ringgitarc

Ringgit. (2016). Jangan jadi mangsa penipuan skim pelaburan: Lebih 64,247 penduduk luar Bandar Berjaya ditawan MobileLINK. Dimuat turun dari http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=en_publication&pub=ringgitarc

Ringgit. (2016). Menangani beban hutang golongan berpendapatan rendah. Dimuat turun dari http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=en_publication&pub=ringgitarc

Ringgit. (2016). Menangani bebanan hutang golongan berpendapatan rendah: Inilah masanya untuk golongan muda. Dimuat turun dari http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=en_publication&pub=ringgitarc

Singh, A. & Sanjeev, R. (2016). Need for re-skilltraining towards make in India initiative. *Independent Journal of Management and Production*, 7(4), 1115-1125.

Siti, F.A.R. (2006). Kriteria kualiti hidup berkeluarga. Dimuat turun dari <http://www.ikim.gov.my/bm/paparmedia.php?key=781>.

Solomon, A.A., Victor, A.K., & Felicia, N. (2014). The impact of inflation on the standard of living: A case study of Navrongo in the Upper East Region of Ghana. *European Journal of Business and Management*, 6(29), 106-115.

Taylor, J.B. (2009). *The financial crisis and the policy responses: An empirical analysis of what went wrong* (No. w14631). National Bureau of Economic Research

Thaiyoong, P.M., Gills, M., & Paul, D. (2011). Household size economies: Malaysian evidence. *Economic Analysis and Policy*, 41(2), 203-223.

Xiao, J.J., Sorhaindo, B., & Garman, E.T. (2006). Financial behaviours of consumers in credit counselling. *International Journal of Consumer Studies*, 30(2), 108-121.